



TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH berkenan menganugerahkan darjah kebesaran Sri Sultan Ahmad Shah (SSAP) kepada Datuk Seri Dr. Daing Mohd. Nasir Daing Ibrahim (kiri) dan Datuk Seri Angraeni Sentiyaki sempena Istiadat Memulakan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang, semalam. - MINGGUAN/AHMAD ZAKKI JILAN

TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH berkenan menganugerahkan DIMP kepada Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, semalam.

Istiadat disempurnakan Pemangku Raja Pahang

167 terima darjah kebesaran

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) 17/12/17 (CAHAD) M.S.: 4

Oleh ZAMZURINA AHMAD dan GHAZALI ALIAS
penganang@utusan.com.my

■ PEKAN, 16 DIS.

PEMANGKU Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah hari ini berkenan menyempurnakan pengurniaan darjah kebesaran dan pingat sempena Istiadat Memulakan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar di sini.

Dalam istiadat itu, isteri Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Angraeni Sentiyaki yang juga Pengerusi Badan Amal Kasih Ibu Putrajaya, mengetuai senarai 167 penerima, dengan dikurniakan darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran 'Datuk Seri'.

Semalai 20 individu lain turut dianugerahkan SSAP iaitu Penasihat Undang-Undang Pahang Datuk Shamsulbahr Ibrahim; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asasi Tani Pahang, Datuk Shafiq Fauzan Sharif; Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda Pahang, Datuk Abu Bakar Harun; Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Pahang, Datuk Mohd Johari Hussain.

Penerima lain Pengerusi Jawa-

tanakuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas Pahang, Datuk Norol Azali Sulaiman; Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Pahang, Datuk Shahanita Shamsuddin; Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas Pahang, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad; Pesuruhjaya Polis Sarawak Daerah Amer Awall dan Naib Canselor **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Prof. Datuk Dr. Daing Mohd. Nasir Daing Ibrahim.

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Datuk Dr. Mohammed Azman Aziz; Pengerusi Urusan Wirajaya Tuah Sdn. Bhd., Datuk Azman Ismail; Pengerusi Kotamas Development (M) Sdn. Bhd., Datuk Wong Haw Ran; Pengerusi Besar Kanan Lembaga Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman; Pengerusi Urusan Kharisma Wira Sdn. Bhd., Datuk Azri Murad; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysia Rail Link Sdn Bhd., Darwis Abd Razak serta Pengerusi Singapore Technologies Engineering Pte. Ltd., Lim Seng Hock juga dikurniakan SSAP.

Sementara itu, lima individu menerima Darjah Kebesaran Sri Indera Mahkota Pahang (SIMP) yang

membawa gelaran 'Datuk Indera' iaitu Pengarah Urusan APEX Capacity Sdn. Bhd., Tengku Datuk Yusof Tengku Zainal Karib; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Madya (Pembantu) Datuk Mohd. Taha Ibrahim; Timbalan CEO (Pengurusan) Lembaga Hasil Dalam Negeri, Datuk Mohd. Nizam Saiir; Wakil Perbadai Anggota Parlimen Pekan, Datuk Zainal Abidin Pa'wh dan Pegawai Khas Perdana Menteri, Datuk Mohd. Aripin Daud.

Sultan Ahmad Shah juga berkenan mengurniakan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) yang membawa gelaran Datuk kepada 12 individu termasuk Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Saiful Azly Kamaruddin; Timbalan Pengarah Pengerusi Urusan Bukit Aman DCP, Datuk Mohd Roze Shaari; Timbalan Ketua Pengarah Kastam Datuk Paddy Abd. Halim; Ketua Jabatan Ortopedik dan Traumatologi Hospital Sungai Buloh, Datuk Dr. Zamyri Zuki Mohd. Zuki.

Turut menerima DSAP ialah bekas Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Ab Qahar Osman; Timbalan Ketua Setiausaha (Dua Hala) Kementerian Urus, Raja Nushirwan Zainal Abidin; Ketua Pengarah Sekretariat Kebang-

saan ASEAN-Malaysia Kementerian Luar, S. Jojie Samuel, Pakar Kardiologi dan Perubatan Hospital Pusing, Dr. Azar Azman Abu Bakar dan Pengarah Ibm Mining Sdn. Bhd., Tong Yuw Choy.

Sementara itu, 76 individu pula dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Datuk termasuk Pengarah KGSS Venture Holdings Sdn. Bhd., Tengku Ferozidin Tengku Abdul Rahim; CEO Felcra Berhad, Datuk Zulkarnain Md. Eusope; Pengarah Kastam Kelantan, Datuk Mohd. Nasir Yusoff; Anggota Dewan Negara, Senator Zahari Sarip dan Pengarah Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan, Profesor Dr. Nasir Khan E.M. Yahya.

Anugerah DIMP turut dikurniakan kepada Pengarah Hubungan Antarabangsa Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri, Norzuhdy Mohammad Nordin; bekas Wakil Tetap Malaysia ke UNESCO, Mohd. Zulkifli Mohammed; Pengerusi Urusan Brilliant Star Construction (M) Sdn. Bhd., Farah Zarina Johari Faisal Stepher; Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Pahang, Sawalludin Ahmad dan Pengarah Bahagian Pemindahan Antarabangsa Bantuan Jabatan Penjara, Mohd. Zawawi Ab Rahim.